

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada akan ada badan khas ditubuhkan untuk mengenal pasti dan mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh golongan warga emas memandangkan negara kita bakal mencapai status negara warga tua menjelang 2030.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia dijangka akan menjadi negara tua menjelang tahun 2030. Fenomena ini berlaku apabila terdapat 15 peratus populasi berusia 60 tahun ke atas daripada keseluruhan penduduk negara. Pada tahun 2020 sahaja, warga emas di Malaysia telah mencecah 3.4 juta orang atau 10.6 peratus.

Kerajaan telah mengambil langkah persediaan awal untuk menangani isu penuaan penduduk. Malaysia telah mempunyai Dasar Warga Tua Negara sejak tahun 1995 dan Pelan Tindakan Warga Tua Negara pada tahun 1998. Selaras dengan perkembangan semasa, dasar ini telah dikaji semula menjadi Dasar Warga Emas Negara pada tahun 2011. Dasar ini merupakan payung kepada penyediaan perkhidmatan dan kemudahan warga emas di Malaysia. Dasar ini juga merupakan komitmen Kerajaan untuk mewujudkan warga emas berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup seiring dengan pembangunan negara.

Rentetan pewujudan Dasar Warga Emas Negara, Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara turut diwujudkan sebagai suatu mekanisme pelaksanaan dasar berkaitan warga emas dan penuaan penduduk. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merupakan sekretariat kepada Majlis ini yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Majlis ini berfungsi di peringkat persekutuan bagi memastikan pelaksanaan Dasar Warga Emas itu sendiri selain turut berperanan menangani isu-isu warga emas dan fenomena penuaan.

Peranan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan JKJ di dalam Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara juga bergantung kepada peranan agensi-agensinya kerajaan lain yang menganggotai Jawatankuasa Teknikal

Dasar Warga Emas Negara. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan akan melapor kepada Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara. Ahli Jawatankuasa Teknikal ini terdiri daripada 7 Jawatankuasa Kecil iaitu:

1. Jawatankuasa Kecil Kesihatan dipengerusikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia
2. Jawatankuasa Kecil Sosial dan Rekreasi dipengerusikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat
3. Jawatankuasa Kecil Pendidikan dan Kerohanian dipengerusikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi
4. Jawatankuasa Kecil Perumahan dan Persekitaran dipengerusikan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
5. Jawatankuasa Kecil Ekonomi dipengerusikan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
6. Jawatankuasa Kecil Pekerjaan dipengerusikan oleh Kementerian Sumber Manusia
7. Jawatankuasa Kecil Penyelidikan dan Pembangunan dipengerusikan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Jawatankuasa Teknikal ini bertanggungjawab menyediakan perancangan tahunan program pembangunan warga emas selaras dengan Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara serta bagi menangani isu-isu penuaan di peringkat negeri.

Selain di peringkat persekutuan, Jawatankuasa Pembangunan Warga Emas Negeri dan Daerah juga telah ditubuhkan bagi menghubungkan pentadbiran persekutuan dan negeri. Jawatankuasa-jawatankuasa ini diwujudkan bagi memastikan pelaksanaan dasar berjalan dengan lancar di semua peringkat seterusnya memastikan kelestarian program dan pemantauan yang lebih teratur. Struktur Jawatankuasa adalah sama seperti struktur Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara iaitu melibatkan pelbagai agensi dan berfungsi sebagai platform bagi menangani masalah warga emas setempat dan juga isu-isu penuaan.

Sekian, terima kasih.